

**MOTIVASI DAN SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU  
MURID TINGKATAN SATU (JUNIOR ONE LOYALTY), SEKOLAH MENENGAH  
PERSENDIRIAN KWANG HUA**

**Mohd Uzir Bin Zubir  
Rohaidah Kamaruddin  
Sharil Nizam Sha'ri**  
Universiti Putra Malaysia

**Abstrak**

Sikap murid-murid dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua didapati mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti tahap motivasi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu di samping untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan motivasi yang signifikan antara jantina yang dikaji secara peratusan di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua (SMPKH), Klang, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan seramai 30 orang murid tingkatan satu Junior One Loyalty (J1L), SMPKH, Klang. Responden dikehendaki memberikan respons dalam setiap item-item yang dikemukakan. Nilai pekali bagi pengiraan ini ialah seratus peratus daripada jumlah responden yang menjawab kesemua item-item yang dikemukakan. Data kajian menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen format kiraan peratusan. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada Bahagian A (Item-item Motivasi) dan Bahagian B (item-item Sikap) yang terkandung sebanyak 20 soalan manakala satu soalan ialah angkuh jantina. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua responden kelas Junior Satu Loyalty mempunyai sikap yang positif berbanding dengan motivasi. Responden sedar bahawa bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus dalam peperiksaan untuk melayakkan mereka ke peringkat seterusnya dalam pendidikan. Oleh itu, para guru diharapkan dapat mengambil elemen-elemen semasa proses pembelajaran yang kondusif untuk mendapatkan hasil yang terbaik seiring dengan pembelajaran bahasa.

**Kata kunci:** Pembelajaran bahasa Melayu, ekstralinguistik, motivasi, sikap.

**MOTIVATION AND ATTITUDES TO MALAY LANGUAGE LEARNING OF  
STUDENT FORM ONE (JUNIOR ONE LOYALTY), KWANG HUA PRIVATE HIGH  
SCHOOL**

***Abstract***

Student's attitude in Malay Language Learning as second language found to affect for that learning language process. This research objectives are to identifying student's attitude motivation level to Malay language learning besides toknowing differentiate of significant motivation between gender on percentage at Kwang Hua Private High School (SMPKH), Klang, Selangor. This research using in brief quantitative method and qualitative method involve with 30 students form one Junior One Loyalty (J1L), SMPKH, Klang. The respondents needed to give respond every each items questions provided. To coefficients for calculation in this research is using percentage from total of student answered items question provided. Research data using adaption questionnaire from percentage calculation

instrument format. This questionnaire divided to section is Section A (Motivation Items) and Section B (Attitude Items) be contained 20 question while one question is gender variable. The result of study show that all of respondent from Junior One Loyalty class have a positive attitude to compare the motivation. Respondents know that Malay language subject need to passing in examination to qualify them to next level of education. Therefore, all of teacher needed can take any elements while in leaning session such as conducive class room to get them can get good result.

**Keywords:** Malay language learning, extralinguistics, motivation, attitude

## **PENGENALAN**

Ekstralinguistik merupakan faktor-faktor yang dikaitkan dengan peningkatan prestasi pembelajaran bahasa bagi seseorang. Tay Meng Guat dan Ambikapathi Shanmugam (2016) menyatakan bahawa ekstralinguistik merupakan satu pola yang bebas yang boleh wujud dalam mana-mana bidang kajian termasuk bidang kajian bahasa. Menurut Schmidt (2010) dalam Husna Hidayah Mansor dan Rohaidah Kamaruddin (2016) pula, ekstralinguistik adalah situasi kebahasaan di luar lingkungan linguistik. Selain itu, Ekstralinguistik bermaksud pengetahuan bersama yang diperlukan untuk memahami sesuatu percakapan atau sebutan (The Free Dictionary, 2010).

Menurut Rohaidah Kamaruddin (2012), ekstralinguistik boleh diambil sebagai motivasi, emosi, sikap dan personaliti yang dapat membantu seseorang untuk mempelajari bahasa kedua. Oleh itu, dalam pembelajaran bahasa unsur linguistik tetap diambil kira kerana ia dapat memberi maklumat yang membantu seseorang untuk mempelajari dan berjaya menguasai sesuatu bahasa selain bahasa ibunda.

Menurut Spolsky (1990), motivasi mempunyai peranan yang penting dalam menentukan pembelajaran sesuatu bahasa kedua itu sama ada berjaya atau sebaliknya. Menurut beliau, pelajar yang bermotivasi tinggi akan dapat belajar dengan cepat dan lebih banyak berbanding dengan pelajar yang kurang bermotivasi. Dalam situasi pembelajaran tertentu, pelajar yang kurang bermotivasi kebiasaannya cepat hilang tumpuan dan menghadapi masalah disiplin. Sebaliknya, pelajar yang bermotivasi tinggi mempunyai tumpuan dan aktif dalam situasi pembelajaran seperti sering bertanya.

Selain itu, proses pembelajaran dapat menjadikan suatu proses motivasi yang berfaedah dan menyeronokkan dalam situasi tersebut. Hal ini kerana guru perlu sentiasa memberikan peneguhan serta-merta kepada pelajarnya apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Pelbagai bentuk peneguhan yang dapat diberikan seperti hadiah, pujian dan senyuman. Oleh itu, tahap motivasi serta prestasi murid akan terus meningkat untuk mempelajari bahasa kedua. Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana motivasi dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Murid yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan perkara yang disampaikan hasil daripada rangsangan-rangsangan yang kuat, iaitu menerusi insentif dan motif.

Lightbown dan Spada (1999) dalam Tay Meng Guat (2016) menyatakan bahawa dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap, kesediaan dan motivasi saling berkait. Para murid yang mempunyai sikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya. Banyak hasil kajian mendapati bahawa elemen motivasi memberikan sumbangan yang besar kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua melibatkan peranan dua pihak, iaitu guru sebagai penyampai maklumat dan murid sebagai penerima maklumat.

Di samping itu, sikap juga merupakan faktor yang menjadi pendorong kepada murid untuk belajar sesuatu bahasa. Shahrul Arba'iah (2001) telah menjalankan kajian berkaitan dengan faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik. Dalam kajian menunjukkan kecemerlangan akademik murid bergantung kepada tiga faktor penting iaitu ibu bapa, khidmat sokongan dan sikap murid itu sendiri. Lyon (1997) juga menjalankan kajian bagi melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan akademik murid pekak. Faktor-faktor yang dikaji ialah atribut bilik darjah,

penglibatan ibu bapa dan sikap responden terhadap pelajaran. Hasil kajian mendapati faktor ibu bapa lebih menyumbang kepada kejayaan akademik berbanding faktor lain.

Sikap (*attitude*) seseorang merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balasnya ke atas individu, kumpulan, isu-isu sosial mahupun apa-apa peristiwa di persekitaran yang mana bentuk tersebut adalah tersusun dan konsisten (Lambert & Lambert, 1973). Disebabkan sikap adalah konsisten, hubungan antara sikap dan perlakuan manusia yang lahir daripadanya boleh menjadi ketara. Dalam erti kata lain, konsep sikap boleh digunakan untuk menjelaskan darjah konsistensi perlakuan seseorang kerana perlakuan individu berkenaan adalah berasaskan kepada sikapnya (Oskamp, 1977:5).

Meskipun dalam fahaman kebanyakan orang, sikap boleh ditakrifkan sebagai “*a disposition to react favourably or unfavourably to a class of objects*” (Sarnoff, 1970), terma ini mempunyai definisi yang tersendiri dalam bidang sains sosial. Menurut Oskamp (1977), sikap bermaksud “*posture of the mind*”. Definisi ini dianalogikan dengan postur badan seseorang, iaitu cara-cara dan ciri-ciri individu dalam pembawaan badannya, sama ada berdiri, berjalan, berehat atau melakukan aktiviti lain. Dengan ini postur minda boleh difikirkan sebagai corak pemikiran seseorang dengan ciri-ciri tersendiri. Idea Oskamp disokong oleh Allport (dalam Oskamp, 1977) yang mendefinisikan sikap secara komprehensif.

Allport berpendapat bahawa kesediaan untuk bertindak balas merupakan satu ciri yang penting dalam definisi sikap. Sikap dikatakan sebagai persediaan kepada perlakuan, “*a predisposition to respond in a particular way to the attitude object*” (Oskamp, 1977), dan objek sikap (*attitude object*) melingkungi barang, manusia, tempat, idea, atau situasi. Dua lagi ciri yang juga dianggap penting dalam mendefinisikan sikap ialah daya motivasi sikap (dalam perangsangan perlakuan) dan kelasakan sikap (tidak senang berubah) (Oskamp, 1977). Boleh disimpulkan bahawa sikap merupakan kesediaan dalaman seseorang untuk bertindak apabila berdepan dengan objek-objek sikap yang disukai atau sebaliknya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap dan motivasi murid sekolah menengah persendirian Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap motivasi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu
2. Mengetahui terdapat perbezaan motivasi yang signifikan antara jantina yang dikaji secara peratusan

## **SKOP KAJIAN**

Kajian yang dilakukan terbatas kepada beberapa aspek penting iaitu tempat kajian, bilangan murid dan skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah menjalankan kajian di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua, Klang, Selangor sahaja iaitu sekolah yang dikhususkan kepada penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa utama di samping bahasa Melayu sebagai subjek wajib lulus yang ditetapkan oleh Pendidikan Swasta di bawah garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sampel kajian ini terbatas kepada murid Kelas Tingkatan Satu (Junior Satu Loyalty/J1L), iaitu seramai 30 orang murid. Kesemua murid ini merupakan murid-murid Cina yang mungkin menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau ketiga. Namun begitu, pengkaji tidak mengambil kira faktor status bangsa, bahasa dan umur. Dapatan kajian ini hanya menjelaskan tahap penguasaan berdasarkan sampel kajian ini sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan. Selain itu, kajian ini hanya terbatas kepada kajian sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

## **KAJIAN LITERATUR**

Beberapa kajian lepas mendapati bahawa ekstralinguistik merupakan faktor-faktor yang mempunyai kesan dan impak terhadap pencapaian dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Rohaidah Kamaruddin (2012), membuat kajian tentang Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua dengan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan. Dalam kajian ini, pengkaji mengupas berkenaan faktor ekstralinguistik bahasa kedua yang merujuk kepada emosi, motivasi, sikap dan personaliti pelajar Melayu Tingkatan Empat daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol (SBPIJ), Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar (STJ) dan Sekolah Menengah Sains Rembau (SEMESRA), Negeri Sembilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik pelajar SBPIJ dan STJ berada pada tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan sikap suka mereka terhadap penutur jati bahasa kedua telah memotivasikan pelajar SBPIJ dan STJ untuk meminati bahasa kedua di samping berusaha untuk cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Manakala pelajar SEMESRA pula didapati didorong oleh motivasi intrinsik untuk mempelajari bahasa kedua. Keadaan ini disebabkan oleh motivasi dalaman yang timbul daripada faktor minat untuk belajar dan berjaya dalam pembelajaran bahasa kedua. Manakala, dari segi emosi pula SBPIJ dan SEMESRA lebih suka diberitahu dengan tepat tentang apa yang perlu dibuat semasa mempelajari dan menguasai bahasa kedua. Ini bermaksud tahap pergantungan mereka terhadap guru adalah tinggi. STJ pula menyatakan mereka tidak boleh mempelajari bahasa kedua dalam jangka masa yang lama tanpa rehat. Keadaan emosi ini menjelaskan perwatakan diri pelajar yang suka berterus terang. Keadaan ini seiring dengan gambaran pemilihan warna hijau iaitu, mereka boleh membuat sesuatu tanpa bantuan guru. SEMESRA juga memilih warna hijau yang dapat ditafsirkan sebagai pelajar yang dapat berdikari sama seperti pelajar di STJ. Warna ungu pula merupakan warna dominan bagi pelajar SBPIJ yang bermaksud tahap pergantungan mereka terhadap guru sangat tinggi. Dapatan daripada pemilihan ini menyokong dapatan kajian yang menyatakan pelajar SBPIJ suka diberitahu dengan tepat tentang sesuatu perkara ketika mempelajari bahasa kedua. Kajian Nurul dan Azizi (2012) yang melihat hubungan motivasi pembelajaran dan sikap dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Kulai, Johor mendapati bahawa faktor matlamat mempengaruhi motivasi instrinsik seseorang pelajar. Ini bermakna sekiranya seseorang itu mempunyai tahap motivasi yang tinggi, maka secara tidak langsung individu tersebut akan berusaha untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Begitu juga dengan faktor pemberian gred bagi motivasi instrinsik. Kajian Siti Sukainah dan Melor Md. Yunus (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, unsur motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan pelajar bahasa. Yong Chyn-Chye et al. (2013) membuat kajian tentang “Peranan Faktor Ekstralinguistik dalam Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi Swasta”. Model Socioeducational oleh Gardner telah digunakan dalam kajian ini yang melibatkan 114 orang pelajar antarabangsa Trimester 2 dan 3, 2010/2011 dari 21 buah negara. Pelajar-pelajar ini telah mengikuti kursus bahasa kebangsaan B selama 14 minggu di sebuah universiti swasta di Malaysia. Pengkaji telah membahagikan faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi sikap dan motivasi penutur asing dalam enam kumpulan iaitu, sikap penutur asing semasa pembelajaran bahasa Melayu, keunikan bahasa Melayu, motivator-guru dan aktiviti kelas, integratif dan instrumental, serta sosial budaya persekitaran. Hasil kajian yang dilakukan mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar asing dipengaruhi oleh faktor ekstralinguistik, iaitu, faktor integrasi. Mereka mempelajari bahasa Melayu dengan tujuan untuk memahami masyarakat tempatan, menghargai kebudayaan Malaysia, mempermudah jalinan rangkaian sosial di Malaysia dan juga integratif melalui bacaan surat khabar/majalah ataupun media massa tempatan. Oleh itu, pelajar asing akan berjaya mempelajari bahasa Melayu sekiranya mereka berminat untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan. Menurut pengkaji, sekiranya galakan faktor ekstralinguistik semakin tinggi bagi seorang penutur asing, ia akan mempengaruhi tingkah laku pelajar supaya bermotivasi tinggi dalam penguasaan bahasa sasaran yang diinginkan. Hal ini bermaksud, elemen persekitaran dan psikologi memainkan peranan penting dalam proses mempelajari sesuatu bahasa asing (Yong Chyn-Chye et al. 2013).

Seterusnya, Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), menyatakan bahawa faktor diri sendiri merupakan faktor paling utama yang mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Ini bermaksud, jika seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif tentang pentingnya mempelajari bahasa yang dipelajari, seboleh-bolehnya mereka akan berusaha untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan pelbagai cara. Sikap yang positif untuk mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua terbentuk daripada motivasi yang tinggi. Menurut Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), motivasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanan seseorang untuk mempelajari bahasa asing. Motivasi ini dilahirkan dalam bentuk insentif dan motif. Markah, gred, hadiah dan pujian merupakan contoh insentif yang disampaikan dalam bentuk ekstrinsik yang biasa dilakukan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, motif pula sejenis keinginan yang timbul akibat dorongan semula jadi atau kecenderungan seseorang yang menggerakkan seseorang untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat.

Kajian perbandingan antara sikap dan motivasi pelajar di sekolah menengah atas di Bandar Lampung terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dengan bahasa Indonesia oleh Budiawan (2008) mendapati sikap pelajar lebih gemar mempelajari bahasa Inggeris daripada bahasa Indonesia dan responden juga mempunyai motivasi belajar bahasa yang rendah terhadap bahasa Indonesia. Menurut pengkaji, situasi ini berlaku kerana pengaruh persekitaran, iaitu majoriti pelajar yang belajar di sekolah ini merupakan individu yang berada dalam kelas menengah. Pelajar-pelajar ini lebih terdedah kepada sistem bahasa Inggeris dan mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar yang mempelajari bahasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Alat Kajian**

Kajian ini melibatkan kesemua 30 orang murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty atau J1Y) di salah sebuah sekolah menengah persendirian Cina di Klang. Sekolah berkenaan dipilih kerana sekolah tersebut merupakan sekolah pilihan masyarakat Cina yang mana murid-muridnya tidak dimasukkan ke dalam sekolah jenis kebangsaan atau sekolah kebangsaan. Sekolah Menengah Persendirian Cina lebih tertumpu kepada bahasa utamanya iaitu bahasa Cina kerana hampir kesemua subjek atau mata pelajarannya diajar dalam bahasa Cina bukannya bahasa Melayu. Keadaan ini memudahkan pengkaji untuk mengutip data. Tinjauan berbentuk kajian kes yang berdasarkan kaedah deskriptif ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen format kiraan peratusan. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada Bahagian A (Item-item Motivasi) dan Bahagian B (item-item Sikap) yang terkandung sebanyak 20 soalan manakala satu soalan ialah angkuabah jantung. Responden dikehendaki memberikan respons kepada setiap item dengan memilih ya atau tidak. Nilai pekali bagi pengiraan ini ialah 100% daripada jumlah responden yang menjawab kesemua item-item yang dikemukakan.

### **Analisis Data**

Dua jenis statistik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini ialah statistic deskriptif dan statistik inferensi. Data yang diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan dikodkan, dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratusan sahaja, Ujian kecil digunakan untuk menentukan pemahaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan motivasi dan sikap responden mengikut jantung.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Tahap Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu**

Tahap Motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu menunjukkan bahawa responden kurang motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu kerana peratusan keseluruhan bagi total item-item soalan motivasi di Bahagian A tersebut menunjukkan bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak 105 bilangan yang menjawab “tidak” atau 68.80 peratus berbanding 45 bilangan yang menjawab “ya” atau 30.20 peratus.

Jadual 1: Bilangan dan Peratusan Murid bagi Motivasi dalam Mempelajari Bahasa Melayu

Item-item soalan	Jumlah Bilangan (Ya)	Peratusan % (Ya)	Jumlah Bilangan (Tidak)	Peratusan % (Tidak)
1. Saya suka belajar bahasa Melayu.	17	56.67	13	43.33
2. Saya suka membaca buku-buku ilmiah bahasa Melayu.	1	3.33	29	96.67
3. Saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu.	5	16.67	25	83.33
4. Saya minat belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa ilmu.	17	56.67	13	43.33
5. Saya suka menonton cerita, filem atau drama dalam bahasa Melayu.	5	16.67	25	83.33
Jumlah bilangan dan peratusan	45	30.20	105	69.80

Bagi item dalam aspek keinginan pelajar untuk belajar bahasa Melayu, Item A2 dan A5, iaitu saya suka belajar bahasa Melayu dan saya minat belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa ilmu telah mencatatkan bilangan dan peratusan yang paling tinggi bagi yang menjawab “ya”, iaitu sebanyak 17 bilangan atau 56.67% daripada 30 orang murid. Bagi item A4 dan A6 pula, iaitu saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu dan saya suka menonton cerita, filem atau drama dalam bahasa Melayu pula telah mencatat bilangan dan peratusan yang paling rendah bagi yang menjawab “tidak”, iaitu sebanyak 25 bilangan atau 83.33 peratus daripada 30 orang murid. Namun, motivasi murid juga kurang mempunyai motivasi terhadap item A3 apabila menunjukkan bilangannya sebanyak 29 bilangan atau 96.67 peratus yang berminat membaca buku-buku ilmiah berbanding hanya 1 bilangan atau 3.33 peratus sahaja yang minat membaca.

### **Perbezaan Motivasi Murid antara Lelaki dengan Perempuan Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu**

Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kurang motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu ialah murid lelaki dan perempuan. Namun, terdapat beberapa item yang menunjukkan bilangan dan peratusan yang positif terhadap motivasi murid untuk pembelajaran bahasa Melayu dalam Bahagian A iaitu pada item A2 dan A5. Secara keseluruhannya, pelajar perempuan dan lelaki menunjukkan kurang motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 2: Perbezaan Motivasi Murid anantara Lelaki dan Perempuan Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Item-item soalan	Lelaki		Perempuan	
	Bilangan dan Peratusan Ya	Tidak	Bilangan dan Peratusan Ya	Tidak
2. Saya suka belajar bahasa Melayu.	5 (45.45%)	6 (54.56%)	12 (63.16%)	7 (36.84%)
3. Saya suka membaca buku-buku ilmiah bahasa Melayu.	0 (0%)	11 (100%)	1 (5.26%)	18 (94.74%)
4. Saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu.	2 (18.18%)	9 (81.82%)	3 (15.79%)	17 (84.21%)
5. Saya minat belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa ilmu.	5 (45.45%)	6 (54.56%)	12 (63.16%)	7 (36.84%)
6. Saya suka menonton cerita, filem atau drama dalam bahasa Melayu.	1 (9.09%)	10 (90.91%)	4 (21.05%)	15 (78.95%)
Jumlah Bilangan dan Peratusan	13 (23.67%)	42 (76.36%)	32 (35.42%)	64 (64.58%)

Bagi item A2 dan A5, iaitu saya suka belajar bahasa Melayu dan saya minat belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah bahasa ilmu, hanya murid perempuan yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu iaitu sebanyak 12 bilangan atau 63.16 peratus daripada 19 orang murid perempuan berbeza dengan murid lelaki yang kurang motivasi iaitu sebanyak 6 bilangan atau 54.56 peratus daripada 11 orang murid lelaki. Bagi item-item lain seperti A3, A4 dan A6, iaitu saya suka membaca buku-buku ilmiah bahasa Melayu, saya suka membaca buku-buku cerita dan novel bahasa Melayu dan saya suka menonton cerita, filem atau drama dalam bahasa Melayu telah menunjukkan kedua-duanya kurang motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu yang masing-masing bilangannya dan peratusannya ialah 11 bilangan atau 100 peratus, 9 bilangan atau 81.82 peratus dan 10 bilangan atau 90.19 peratus bagi murid lelaki manakala 18 bilangan atau 94.74 peratus, 17 bilangan atau 84.21 peratus dan 15 bilangan atau 78.95 peratus bagi murid perempuan. Secara keseluruhannya, bilangan dan peratusan murid lelaki dan perempuan menunjukkan kurang motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu kerana jumlah peratusan kedua-duanya yang menjawab “tidak” masing-masing ialah 76.36 peratus (lelaki) dan 64.58 peratus (perempuan).

### **Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu**

Dari segi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya menunjukkan keseluruhannya sangat tinggi. Hal ini bermaksud sikap murid-murid terhadap bahasa Melayu menunjukkan positif untuk menerima dan mempelajari bahasa Melayu kerana mempunyai keinginan yang tinggi. Di samping itu, pelbagai faktor sikap ini mempunyai kesan yang sangat tinggi kerana murid-murid mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa terpenting dalam Malaysia sekiranya tidak menguasainya.

Jadual 3: Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Item-item soalan	Jumlah Bilangan (Ya)	Peratusan % (Ya)	Jumlah Bilangan (Tidak)	Peratusan % (Tidak)
1. Bahasa Melayu ialah subjek wajib.	26	88.67	4	13.33
2. Bahasa Melayu ialah subjek yang menyeronokkan.	18	60	12	40
3. Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya fahami novel dan filem Melayu.	19	63.33	11	36.67
4. Menguasai bahasa Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik dan kerjaya.	20	66.67	10	33.33
5. Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan semua kaum di Malaysia.	24	88.87	6	13.33
	107	71.33	43	28.77

Bagi item-item kesemua soalan di Bahagian B iaitu B1 hingga B5 menunjukkan bilangan dan peratusan yang positif iaitu majoriti memilih “ya” sebagai jawapan mereka. Bagi B1 iaitu bahasa Melayu ialah subjek wajib, bilangan yang menjawab “ya” ialah 26 bilangan atau 88.67 peratus berbanding “tidak” 4 bilangan atau 13.33 peratus. Bagi B2 pula, iaitu bahasa Melayu ialah subjek yang menyeronokkan menunjukkan hal yang sama iaitu 18 bilangan atau 60 peratus bagi yang menjawab “ya” berbanding “tidak” 12 bilangan atau 40 peratus. Bagi B3 dan B4, masing-masing menguasai bahasa Melayu membolehkan saya fahami novel dan filem Melayu dan membantu saya mendapat pekerjaan yang baik dan kerjaya juga menunjukkan tertinggi bagi yang menjawab “ya” iaitu masing-masing 19 bilangan atau 66.33 peratus dan 20 bilangan atau 67.33 peratus. Pada item soalan B5 yang terakhir itu, menguasai bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan semua kaum di Malaysia juga menunjukkan sikap yang positif iaitu sebanyak 24 bilangan atau 88.87 peratus. Oleh hal yang demikian, sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu menunjukkan sikap positif

### **Perbezaan Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina**

Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu yang tinggi termasuk murid lelaki dan perempuan. Namun, terdapat satu item yang menunjukkan bilangan dan peratusan yang negatif tetapi tidak ketara iaitu pada item soalan B2. Secara keseluruhannya, pelajar perempuan dan lelaki menunjukkan sikap yang baik terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 4: Perbezaan Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina

Item-item soalan	Lelaki		Perempuan	
	Bilangan dan Peratusan Ya	Tidak	Bilangan dan Peratusan Ya	Tidak



1. Bahasa Melayu ialah subjek wajib.	10 (90.90%)	1 (9.10%)	16 (84.21%)	3 (15.79%)
2. Bahasa Melayu ialah subjek yang menyeronokkan.	5 (45.45%)	6 (54.56%)	13 (68.42%)	6 (31.58%)
3. Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya fahami novel dan filem Melayu.	7 (63.64%)	4 (36.36%)	12 (63.16%)	7 (36.84%)
4. Menguasai bahasa Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik dan kerjaya.	7 (63.64%)	4 (36.36%)	13 (68.42%)	6 (31.58%)
5. Menguasai bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan semua kaum di Malaysia.	8 (72.73%)	3 (27.27%)	16 (84.21%)	3 (15.79%)
	37 (67.27%)	18 (32.73%)	70 (73.68%)	25 (26.32%)

Pada item soalan B1, murid lelaki dan murid perempuan menunjukkan sikap positif iaitu masing-masing menunjukkan 10 bilangan atau 90.90 peratus dan 16 bilangan atau 84.21%. Bagi item B2 menunjukkan perbezaan, iaitu sikap murid lelaki majoriti tidak berminat atau bahasa Melayu kurang menyeronokkan iaitu 6 bilangan atau 54.56 peratus berbeza dengan murid perempuan yang menunjukkan sikap positif bagi item soalan ini iaitu 13 bilangan atau 68.42 peratus. Bagi item soalan B3, iaitu menguasai bahasa Melayu membolehkan saya fahami novel dan filem Melayu masing-masing menunjukkan sikap yang positif iaitu sebanyak 7 bilangan atau 63.64 peratus bagi murid lelaki manakala 12 bilangan atau 63.16 peratus bagi murid perempuan. Pada item soalan B4 pula, iaitu menguasai bahasa Melayu membantu saya mendapat pekerjaan yang baik dan kerjaya juga menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu dengan masing-masing 7 bilangan atau 63.64 peratus bagi lelaki atau 13 bilangan atau 68.42 peratus bagi perempuan. Pada item soalan yang terakhir iaitu B5 menguasai bahasa Melayu membolehkan saya berkomunikasi dengan semua kaum di Malaysia juga menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu iaitu masing-masing ialah sebanyak 8 bilangan atau 72.73 peratus bagi murid lelaki dan 16 bilangan atau 84.21 peratus bagi murid perempuan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesemua responden kelas Junior Satu Loyalty mempunyai sikap yang positif berbanding dengan motivasi. Responden sedar bahawa bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus dalam peperiksaan untuk melayakkan mereka ke peringkat seterusnya dalam pendidikan. Mereka percaya bahawa dengan menguasai bahasa Melayu mereka mempunyai banyak kelebihan dari segi mendapatkan pekerjaan dan penting untuk kerjaya masa hadapan. Motivasi murid-murid kurang memberangsangkan kerana kurang semangat untuk belajar mungkin disebabkan faktor-faktor lain yang mempengaruhi mereka sehingga motivasi untuk mempelajari bahasa tersebut kurang. Oleh itu, para guru diharapkan dapat mengambil elemen-elemen semasa proses pembelajaran yang kondusif untuk mendapatkan hasil yang terbaik seiring dengan pembelajaran bahasa. Usaha guru dalam menyediakan pelbagai program dan aktiviti sangat penting untuk menarik minat murid-murid mempelajari bahasa Melayu supaya terdapat kecekapan berbahasa dan mahir.

## RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria. 2014. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan*. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Abdul Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin. 1997. *Psikologi Pendidikan 1*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Allport, G. W. 1935. *Attitudes*. Dalam C. Murchison (Ed.), *A Handbook of Social Psychology* (muka surat 798-844). Worcester, Mass.: Clark University Press.
- Budiawan. 2008. *Pengaruh Sikap Bahasa dan Motivasi Belajar Bahasa Terhadap Prestasi pada Mata Pelajaran Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris*. Universitas Indonesia Depok.
- Deci, E & Ryan, R .1985. *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York: Plenum Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W.E. 1972. *Attitude and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Husna Hidayah Mansor & Rohaidah Kamaruddin. 2016. *Personaliti sebagai Faktor Ekstralinguistik yang Mempengaruhi Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing*. Bangi: UKM. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1), 2016: 105 – 113.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lambert, W. W., & Lambert, W. E. 1973. *Social Psychology (edisi kedua)*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Lyon. C. 1997. *Contributing Factors to Academic Success*. Atas talian: <http://www.deafed.net/publishedDocs/sub/970723c.htm> (29 Mei 2017).
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. (2012). *Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan dan Sikap dengan Pencapaian Akademik*. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5 (3), 30-57.
- Oskamp, S..1977. *Attitudes and Opinions*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Rohaidah Kamaruddin. 2012. *Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua dengan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajarpelajar Melayu di Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sarnoff, I. 1970. *Social Attitudes and The Resolution of Motivational Conflict*. Dalam M. Jahoda (Ed.), *Attitudes* (pp. 279-284). Harmondsworth, UK: Penguin.
- Shahrul Arba'iah. 2001. *Implikasi Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu Terhadap Pencapaian Perbendaharaan Kata dan Ejaan di Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Tingkatan 2 di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Spolsky, B. 1990. *Conditions for Second Language Learning*. Hong Kong: Oxford University Press. *The Free Dictionary*. diakses pada 14 Mei 2017. <http://www.thefreedictionary.com/>
- Tay Meng Guat, Litat Bilung & Ambikapathi Shanmugam. 2016. *Faktor Ekstralinguistik: Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Penutur Bukan Natif*. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL.*, Volume 13, Halaman 32-41 .
- Yong Chyn-Chye, Vijayaletchumy Subramaniam & Chan TzeHaw. 2013. *Peranan Faktor Ekstralinguistik dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. *Jurnal PENDETA*. 4: 231-244.
- Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. *Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 134 (2014): 408-415.